

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD (MERSING)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.10.2016

Y.B. DATUK DR. HAJI ABD. LATIF BIN HAJI AHMAD [MERSING]
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah kos pengurusan yang dibelanjakan oleh Kerajaan bagi pemberian BRIM kepada keluarga secara online berbanding dengan secara pemberian terus secara tunai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pengurusan bagi pemberian BRIM 2016 kepada keluarga secara online adalah sebanyak RM2.97 juta yang melibatkan 3,863,120 penerima isirumah. Kos ini merangkumi kos cetakan surat dan pengeposan kepada penerima.

Manakala kos pengurusan kepada keluarga secara tunai (baucar) adalah sebanyak RM2.42 juta yang melibatkan 303,406 penerima isirumah. kos ini merangkumi caj penunaian di bank, kos cetakan baucar, kos cetakan surat penunaian, dan kos penghantaran baucar.